

TARIAN ETNIK TIMOR



Tarian Hedong

Tarian ini ditarikan dengan mengikut rentak gong. Tarian ini ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan penari perempuan. Jumlah penari ialah tiga orang penari lelaki. Penari boleh

berjumlah 15 orang, 11 orang penari lelaki dan empat orang penari perempuan. Alat muzik yang digunakan ialah gong, kulintangan dan tamborin.

Peralatan yang digunakan oleh penari ialah dobi (perisai), hedung (parang hulu panjang) dan tombak. Penari lelaki memakai baju singlet dan kain sarung yang diperbuat daripada kain tenun asli. Penari perempuan memakai baju berlengan panjang, kain sarung dan selendang.



Pada masa dahulu, tarian ini ditarikan semasa menyambut kepulangan para pahlawan yang menang dalam pertempuran. Namun kini, tarian ini telah ditarikan semasa upacara rasmi dan majlis keramaian seperti perkahwinan dan menyambut tetamu luar.



Tarian Kaya-Kaya

Tarian ini ditarikan dengan mengikut rentak gong. Tarian ini ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan penari perempuan. Jumlah penari ialah 12 orang, enam orang penari lelaki dan enam orang penari perempuan. Alat muzik yang digunakan ialah gong, kulintangan dan kerincing.

Penari lelaki memakai baju singlet dan kain sarung yang diperbuat daripada kain tenun asli. Penari perempuan memakai baju berlengan panjang, kain sarung dan selendang.

Tarian Dola-Dola

Tarian ini ditarikan dengan mengikut rentak gong. Tarian ini ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan penari perempuan. Jumlah penari ialah 20 orang, 10 orang penari lelaki dan 10 orang penari perempuan. Alat muzik yang digunakan ialah gong, kulintangan dan tamborin.

Penari lelaki memakai baju singlet dan kain sarung yang diperbuat daripada kain tenun asli. Penari perempuan memakai baju berlengan panjang, kain sarung dan selendang.

Sebelum tarian dimulakan, penari lelaki akan menyebut “lewotana panamolo gua odere”. Maksudnya ialah “kau pergi dulu, aku akan usul kemudian”. Pada masa dahulu, tarian ini ditarikan semasa menyambut kepulangan para pahlawan yang menang dalam pertempuran. Namun kini, tarian dola dola telah ditarikan semasa upacara rasmi dan majlis keramaian seperti perkahwinan dan menyambut tetamu luar.

eBorneo